

04 JUN 1996

LEAD Suruhanjaya-Perjanjian (Bergambar)

MALAYSIA AKAN BANTU LAOS DALAM PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Malaysia akan membantu Laos membangunkan industri pertanian, pelancongan dan penerbangan awam negara itu setelah kedua-dua negara bersetuju memperluaskan hubungan dua hala mereka.

Selepas menghadiri mesyuarat pertama Suruhanjaya Bersama Malaysia-Laos di sini hari ini, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi memberitahu pemberita bahawa Malaysia akan membantu Laos menanam semula 120,000 hektar tanahnya yang musnah oleh kegiatan "tebang dan bakar".

Mesyuarat itu, yang turut dihadiri oleh Menteri Luar Laos Somsavat Lengsavat, diadakan selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman bagi mewujudkan suruhanjaya bersama, pagi tadi.

Abdullah berkata rancangan tanah Felda untuk pekebun kecil akan menjadi contoh berguna bagi Laos menggunakan tanah-tanahnya.

Laos juga telah meminta bantuan dalam bidang akuakultur dan perladangan termasuk getah dan minyak sawit.

Somsavat, yang turut menghadiri persidangan berita itu, berkata : "Laos mempunyai kawasan tanah yang luas tetapi kita tidak mempunyai data secukupnya mengenai kajian dan penggunaan tanah."

Malaysia juga akan membantu membangunkan infrastruktur penyiaran, telekomunikasi dan tenaga hidro di negara Indochina itu, yang akan menyertai Asean sebagai anggota kelapan tahun depan.

Abdullah berkata Malaysia turut menyokong cadangan Laos untuk membina landasan kereta api antara ibu negara Laos, Vientiane dan sempadan Thai, yang akan membuka Laos kepada negara-negara jiran.

Somsavat berkata beliau akan mengemukakan cadangan pembinaan landasan kereta api itu pada Persidangan Lembah Mekong pada 17 dan 18 Jun ini di sini, yang akan membincangkan mengenai rangkaian kereta api trans-Asia daripada Singapura ke China.

Mengenai pelancongan, Abdullah berkata Malaysia merupakan pelabur terbesar kelima di Laos dengan jumlah pelaburan sebanyak AS\$341 juta (RM852 juta).

Projek pelancongan terbesar yang dilaksanakan oleh Malaysia di negara itu ialah usahasama antara syarikat dari Ipoh, Syuen Corp Sdn Bhd dan kerajaan Laos untuk membangunkan tempat percutian di tasik Nam Ngum, kira-kira 90km timur Vientiane.

Kedua-dua negara juga akan meningkatkan kerjasama mengenai pelancongan menerusi pertukaran maklumat, membangunkan produk pelancongan dan melatih kakitangan.

Penerbangan Malaysia pula akan mengadakan penerbangan dua kali seminggu ke Vientiane menerusi Phnom Penh mulai 1 Julai, kata Abdullah.

Suruhanjaya bersama itu ditubuhkan mengikut perjanjian ekonomi, kerjasama saintifik dan teknikal yang dipersetujui Malaysia dan Laos pada Disember 1992.

Terdahulu, dalam ucapannya semasa majlis menandatangani memorandum persefahaman itu, Abdullah berkata Malaysia mengalu-alukan reformasi ekonomi dan dasar pintu terbuka Laos yang akan menjadikan negara itu sebagai pusat pelaburan asing.

Somsavat pula berharap mesyuarat itu akan memperluaskan kerjasama dan membantu Laos dalam persediaannya menyertai Asean tahun depan.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana inisiatifnya terhadap pembangunan Lembah Mekong yang akan

memanfaatkan Laos. -- BERNAMA  
RAZ NAK